

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 27 Julai 2017 10:06
To: UUM - All Staff
Cc: Institut Pengurusan Kualiti
Subject: IPQ TERIMA LAWATAN DARIPADA PPPKA-UMT



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

27 JULAI 2017 | 03 ZULKAEDAH 1438H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum wbt/Salam Sejahtera
YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/YBr. Prof./Dr./Tuan/Puan

IPQ TERIMA LAWATAN DARIPADA PPPKA-UMT



Seramai 15 orang delegasi daripada Pusat Perancangan, Pembangunan & Kualiti Akademik (PPPKA), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah mengadakan lawatan ke Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) pada 26 Julai 2017. Lawatan kerja yang diketuai oleh Pengarah PPPKA, Prof. Dr. Mohd Lazim Abdullah bertujuan untuk menimba pengalaman dan perkongsian maklumat berhubung pelaksanaan Jaminan Kualiti Akademik di UUM dan proses memperoleh status swaakreditasi.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengarah IPQ, Prof. Madya Dr. Faudziah Zainal Abidin telah menerangkan skop dan tanggungjawab IPQ dalam agenda transformasi UUM khususnya dalam jaminan kualiti akademik dan diikuti dengan taklimat berkaitan swaakreditasi oleh Prof. Madya Dr. Salniza Md. Salleh, Pengurus Unit Jaminan Kualiti Akademik, JHEA.

“Kami mengucapkan terima kasih kepada pihak IPQ kerana sudi berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan kami. Banyak input yang kami peroleh untuk dipraktikkan di UMT nanti” ujar Pengarah PPPKA ketika menyampaikan ucapan penutup.

Turut hadir dalam sesi taklimat ini ialah Prof. Madya Dr. Norhani Aripin, Timbalan Pengarah IPQ, Prof. Dr. K. Kuperan K.V.S.N Viswanathan, Pengurus Daya Saing Global, Prof. Madya Dr. Rozita Arshad, Pengurus Pemantapan Kualiti Akademik IPQ dan pegawai-pegawai IPQ. Sesi taklimat diakhiri dengan penyerahan cenderamata dan sesi lawatan ke *Welcome Centre*.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.